

**MOHD AZIZI** Jaeh

Universiti Kebangsaan Malaysia

**PENGARUH SOSIALISME DEMOKRATIK DALAM PARTI  
KEADILAN RAKYAT (PKR): REFORMASI DAN CABARAN  
KEPADA IDEOLOGI ALTERNATIF DI MALAYSIA**

***THE INFLUENCES OF DEMOCRATIC SOCIALISM WITHIN PARTI  
KEADILAN RAKYAT (PKR): REFORMASI AND CHALLENGES  
TOWARDS ALTERNATIVE IDEOLOGY IN MALAYSIA***

*Artikel ini membahaskan ideologi Parti Keadilan Rakyat (PKR) dalam konteks perjuangan reformasi dan program politik sebagai pakej tawaran alternatif menggantikan ideologi domain Barisan Nasional (BN). Zaman pasca Reformasi telah memperlihatkan pragmatisme PKR dalam menggabungkan ideologi sosialisme dan liberalisme untuk menggerakkan kebangkitan rakyat. Dengan menggunakan kerangka konsep ideologi dan falsafah sosialisme demokratik, penulisan ini akan membentangkan tiga bahagian utama: perdebatan spektrum kiri dan kanan, menganalisis perkaitan ideologi sosialisme demokratik dalam PKR serta cabaran PKR dalam memasarkan ideologinya. Berdasarkan analisis kajian perpustakaan, ideologi PKR menonjolkan keupayaan Anwar Ibrahim menyatukan intelektual kiri dan kanan ke dalam parti. Pengkaji meletakkan pemerhatian terhadap situasi ideologi yang semakin dinamik merangsang parti politik bergerak kepada aliran kiri sederhana dan penerimaan sebahagian elemen liberalisme. Secara tidak langsung, ia menggambarkan pendekatan jalan tengah (centrist) PKR dalam mengangkat nilai kesamarataan, keadilan sosial, kebebasan dan ketuanan rakyat. Namun begitu, kuantiti sokongan hanya terpusat di kalangan generasi pro-pembaharuan terus menyukarkan perubahan budaya politik alternatif di samping menandingi hegemoni politik Melayu UMNO, ideologi politik perkauman dan konservatisme.*

**Kata kunci:** *Parti Keadilan Rakyat (PKR), Sosialisme Demokratik, Ideologi, Reformasi Politik, Anwar Ibrahim, Pragmatisme*

*This article is asserting on ideology of Parti Keadilan Rakyat in the context of Reformasi struggle and political programmes as a bargaining alternative package and as replacement to the domain ideology of the ruling party Barisan Nasional. The post-Reformasi era has built a creative hybrid of pragmatism ideology between the idea of socialism and liberalism in catalysing the rise of masses. With*

*the use of ideology and philosophy of democratic socialism as the framework, this article is presenting three main dictums: the discourse of left and right spectrum, analyse the correlation between ideology of democrat socialism in PKR and the challenges that has to be faced by PKR in marketing their ideology. Based on the library research methodology, PKR in domain is a symbol of the Anwar Ibrahim as a grand design in uniting intellectuals of left and right in the party. Researcher has put an observation on the ideological situation which tends to be more dynamic in stimulizing political party to move towards the left, moderate (intermediate) and accepting half of the liberalism elements. The scenario implicitly shown the third way (centist) uphold by PKR is calibrating the virtues of equality, social justice, freedom and 'ketuanan rakyat' (citizenship supremacy). However, the supporting numbers for the party that centralized among the generation of pro-reformist will always become an obstacle in rebuilding alternative political cultures in order to become a counter-power for Malay political hegemony of UMNO, which imposes the ideology of race and conservatism.*

**Keywords:** *Parti Keadilan Rakyat (PKR), Democratic Socialism, Ideology, Political Reform, Anwar Ibrahim, Pragmatism*

## **Pengenalan**

Trajektori politik Malaysia pasca reformasi 1998 telah menyarankan kepada pembentukan ideologi 'sintesis' untuk perubahan politik yang lebih rancak. Tertubuhnya Parti Keadilan membuka ruang kepada penyatuan spektrum kiri dan kanan untuk bergerak dalam satu unit oposisi. Untuk itu, usaha mengisi idea *political reform* kelihatan dijalankan dengan lebih giat. Tambah dengan krisis kepimpinan UMNO/BN telah memberi nafas baharu kepada pertapakan ideologi alternatif. Bahkan penyingkiran Anwar Ibrahim pada September 1998 mencetuskan seni tindakan politik yang berbeza dalam kalangan masyarakat kelas menengah, intelektual kiri dan kanan, aktivis sosial, NGO, dan generasi muda yang berpecah kepada dua kelompok utama. Satu kelompok terdiri daripada penyokong Anwar Ibrahim dan PKR yang berorientasikan pembaharuan ideologi, biasanya dirujuk sebagai gerakan pro-reformasi, manakala satu lagi kumpulan berpremiskan kepada mempertahankan tradisi konservatisme, nasionalisme kanan yang berteraskan ketuanan Melayu, fundamentalis Islam dan ideologi developmentalisme.<sup>1</sup>

Jika sebelum ini pertimbangan pengundi dalam memilih parti politik dan ideologi alternatif seolah-olah terbatas dan lebih tertumpu kepada parti dominan UMNO/BN. Sebaliknya, fenomena politik baharu pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 1999 berkapasiti mengendurkan konstruk politik ketuanan

Melayu. Tambahan pula, naratif yang menawarkan ‘tiada jalan keluar’ (*there is no alternative*) mula beralih akibat tentangan orde baharu reformasi khususnya PKR dan kem Anwar Ibrahim. Istilah ‘re-for-ma-si’, ‘suara rakyat suara keramat’, ‘lawan tetap lawan’, ‘perubahan’ dan penegasan idea ‘ketuanan rakyat’ merupakan momentum yang disifatkan anti-tesis kepada ideologi konservatisme UMNO.

Kepentingan PKR dijangkakan berpotensi dalam mewujudkan struktur ideologi baharu bagi kelangsungan politik reformasi.<sup>2</sup> Secara khususnya artikel ini membahaskan ruang baharu yang diisi dengan dinamika ideologi PKR yang berkait rapat dengan haluan kiri alternatif dan tenaga perubahan yang terbentuk sekitar pasca reformasi. Seperti yang dibahaskan sarjana Giddens (1999)<sup>3</sup> dan Lipset (2009)<sup>4</sup> pembahagian ideologi kiri dan kanan tidak lagi penting dan telah dikendurkan kepada sesuatu pegangan berkaitan penyatuan prinsip pasaran bebas dan kebajikan sosial, pengukuhan semula *strong state* dan budaya politik yang *anti-establishment*. Sungguhpun begitu, perkembangan ini memberikan pertimbangan baharu terhadap ideologi politik di Malaysia kerana dipengaruhi kesebatian unsur primordial, identiti agama dan latar sosial multikulturalisme. Daripada kedua tesis tersebut, terdapat organisasi politik semasa misalnya PKR bagi Rustam Sani (2004)<sup>5</sup> dapat dianalisis dalam dan luar dari kerangka pembahagian spektrum tersebut.

## Sosialisme Demokratik Sebagai Ideologi

Dalam usaha memahami perubahan, pengubahsuaian dan pertentangan ideologi, munculnya berbagai aliran falsafah yang kemudiannya membentuk satu perdebatan dalam kalangan intelektual kiri dan kanan. Sarjana sains sosial seperti Bell (1962)<sup>6</sup> Pape (1970)<sup>7</sup>, dan Lipset (2009)<sup>8</sup> mendebatkan bahawa ideologi tulen kini mula terhakis dan cenderung dicairkan di negara-negara membangun. Oleh itu, tesis Bell ‘*The End of Ideology*’ yang dikemukakan menunjukkan ideologi bagi spektrum kiri dan kanan tampak diragui malah tidak lagi diangkat kerana akhirnya mendatangkan ketandusan idea-idea politik baharu.<sup>9</sup> La Palombara (2009)<sup>10</sup> yang berbeza pandangan dengan Bell mendebatkan realiti yang berlaku bukanlah kemerosotan dan kematian pegangan ideologi, sebaliknya perubahan sifat, orientasi dan komitmen terhadap struktur politik yang berbeza.

Sehubungan itu, satu konsensus telah dicapai antara kumpulan intelektual kiri dan kanan terhadap permasalahan politik apabila rakyat mula menerima sebuah model negara kebajikan, sistem ekonomi berbentuk hibrid dan menerima pluralisme ideologi. Oleh yang demikian, era ideologi tulen disifatkan mengalami satu evolusi, penyimpangan dan diakhiri dalam konteks yang lebih luas.<sup>11</sup> Oleh sebab krisis dalaman rejim pemerintah dalam mengurus program politik dan ekonomi negara kian mencabar pada abad ke-21, transformasi politik telah mengakibatkan masyarakat lahir sebagai proses

terakhir untuk menerima alternatif ideologi baharu. Dalam era ini, perhatian tertumpu kepada krisis ekonomi, maka pendekatan dogmatik sosialisme dan liberalisme telah dicairkan lantas menghasilkan sebuah kesepakatan politik, tawar menawar antara elit-elit politik yang berbeza kedua-dua ideologi.<sup>12</sup> Perubahan ini tidak bermakna berkurangnya potensi ideologi untuk menjadi sumber kepada konflik dan konfrontasi. Sebaliknya, pertentangan tersebut pada dasarnya memiliki unsur persamaan yang dialihkan dan dikaburkan oleh dogmatisme 'melulu'. Pertentangan dan perbezaan itu sengaja diperbesarkan oleh kelas pemerintah yang berkepentingan<sup>13</sup> untuk pengekalan status quo melalui ikatan primordial dan politik keetnikan. Pada dasarnya, hubungan etnik disubordinasikan kepada hubungan kelas bahawa isu keetnikan sedang dipergunakan sebagai satu 'ideologi' oleh kelas pemerintah bagi mengekalkan konstituensi.<sup>14</sup> Walau bagaimanapun, Bell (1962)<sup>15</sup> berpandangan negara membangun sedang berkembang dan bergerak membentuk ideologi baharu (percampuran pragmatisme) yang berbeza dari segi tuntutan dan kesedaran terhadap masyarakat sebelum ini. Namun, perjuangan asas terhadap kesejahteraan ekonomi, kebajikan, kebebasan dan perpaduan nasional dipercayai masih berterusan sebagai sumber utama kepada perbezaan ideologi.<sup>16</sup>

Dalam hal ini, perbezaan antara pemikiran haluan kiri sebelum ini yang menyokong program politik pemilikan negara, perjuangan kelas buruh dan pengaruh kesatuan sekerja beralih kepada perubahan pemikiran haluan kiri model baharu yang boleh mengiktiraf penerimaan separa liberalisasi ekonomi dan pengiktirafan budaya politik bersifat multikulturalisme. Manakala, pemikiran haluan kanan yang sebelum ini lebih bertunjangan kepada perjuangan hak asasi manusia, liberalisasi penuh pasaran, mobiliti kelas menengah, pembatasan kuasa kerajaan dan pengaruh sektor perniagaan mula bertukar kepada mengutamakan sebahagian norma konservatif, mendapatkan pengekalan identiti, semangat nasionalisme dan penerimaan sebahagian program yang berbentuk sosialisme.<sup>17</sup> Justeru, parti politik kini diklasifikasikan telah menjadi organisasi yang reformis sehingga sebahagian golongan berhaluan kiri yang radikal telah dicairkan. Bahkan penganut aliran Marxis ortodoks sebelum ini telah menukar haluan kepada aliran sosialisme demokratik. Idea ini memberi perangsang kepada parti-parti politik sosialisme demokratik menawarkan alternatif program dan penggantian kepada Marxisme-komunisme dan liberalisme.<sup>18</sup>

Menurut Selucky (1990)<sup>19</sup> dan Padgett dan Paterson (1991)<sup>20</sup> sosialisme demokratik adalah tradisi politik berbentuk hibrid yang terdiri daripada gabungan ideologi revisionis sosialis dan liberal. Ia merupakan projek pembahagian tradisi sosialis yang terdapat di antara individu, kumpulan pemikir dan parti politik yang berusaha untuk merealisasikan bentuk masyarakat ideal dalam institusi masyarakat kapitalis liberal. Konteks utama mencakupi institusi yang menyediakan khidmat penjagaan kesihatan,

pendidikan, utiliti dan perkhidmatan awam dikecualikan sebahagian besarnya dari pasaran bertujuan membantu golongan yang tidak berkemampuan. Oleh itu, ideologi hibrid ini boleh ditakrifkan sebagai rangka percubaan untuk menstabil dan meneutralkan sosialis dengan budaya politik liberal.

Dalam hubungan ideologi revisionis, istilah reformasi boleh dikaitkan dengan aliran kiri sederhana. Ia dapat dirumuskan bahawa parti politik yang *centrist* sebagai alternatif untuk merangka program pemulihan dan penstrukturan semula yang meluas. Di samping itu, reformasi berhaluan kiri sederhana bertujuan meredakan ketegangan pendekatan ‘liberal berlebihan’ kerana terdapat kecenderungan kepada krisis ekonomi domestik yang gagal ditangani pemerintah. Dengan itu, ideologi kiri dan kanan bergerak dinamik yang memaksa parti politik bertindak pragmatik dan menyesuaikan diri dengan persekitaran politik yang baharu. Ia bertujuan untuk merangka strategi pilihan raya, mengukuhkan sokongan pengundi, mengubah identiti politik, mengemukakan program baharu dan menandingi ideologi rejim pemerintah.<sup>21</sup>

Hal ini mengambil kira dahulu kepada parti sosial demokrat di Britain. Giddens (1999)<sup>22</sup> dan Ryner (2003)<sup>23</sup> membincangkan kebangkitan dan pembaharuan semula parti sosialis demokrat telah memberikan kemenangan bergaya kepada Tony Blair. Perubahan tersebut dilihat sejarah baharu peralihan ideologi neoliberal daripada bekas Perdana Menteri Margaret Thatcher (1979-1990). Idea reformasi Blair dikatakan sebagai penguasaan baharu yang digelar sebagai ‘Blairisme’ yang merupakan anti-tesis kepada ‘Thatcherisme’ yang mengubah semula struktur politik Eropah. Kemenangan majoriti Parti Buruh Baru (New Labour Party) merupakan hasil kempen yang aktif berorientasikan ‘reka bentuk baharu sosialisme’ dan implikasi dari idea jalan ketiga (*third way*) Anthony Giddens. Justeru, utopia Karl Marx (1818-1883) tampak semakin terpinggir apabila wujudnya sintesis ideologi (kebangkitan sosialisme bentuk baharu) yang menerima idea liberal dalam cubaannya untuk meminimalkan penguasaan elit borjuis. Pragmatisme ideologi perlawanan kini telah dirangkumkan menjadi satu unit ideologi yang bersifat hibrid.

### **Persandingan Dua Ideologi: ‘Sintesis Baharu’ PKR**

Kemunculan dan posisi PKR sebagai sebuah parti pragmatik tanpa menginstitusikan sebarang ideologi yang jelas dikatakan berupaya membentuk gabungan unsur reformis liberal dan reformis haluan kiri yang luas, yang bukan sahaja tertumpu kepada isu penyingkiran Anwar Ibrahim dari UMNO. Malah pergerakan berhaluan kiri bukan dalam konteks yang radikal telah mempertimbangkan peluang baharu bagi pernyataan unsur berhaluan kiri yang lebih *centrist*. Hal ini adalah intrinsik kepada kebanyakan wacana berhaluan kiri sederhana kini. Pada masa sama, kecaman personaliti dan moral terhadap Anwar membantu memperkasakan konteks baharu ideologi berasaskan kesamarataan bagi rakyat untuk memikirkan secara khusus mengenai

penyalahgunaan kuasa elit-elit politik dalam menguruskan hal ehwal ekonomi dan tadbir urus negara. Oleh sebab itu, wacana berhaluan kiri secara serentak telah ditentukan oleh gaya bahasa reformis liberal, bahkan reformasi turut menyediakan kaedah baharu untuk penampakan transformasi ideologi sosialisme dan liberalisme.<sup>24</sup> Simbiosis ini telah memperlihatkan ideologi yang sebelum ini bersifat konfrontasi telah berubah kepada satu frasa normalisasi berikutan strategi paksi tengah, tawar menawar, kompromi dan kesepakatan baharu dibentuk antara Parti KeADILAN Nasional dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) selepas beberapa tahun berlakunya gerakan Reformasi.

Pada dasarnya PRM ialah pengganti parti Melayu berfahaman sosialisme kiri seperti Kesatuan Melayu Muda (KMM) dan Barisan Sosialis (SF) yang hidup pada era Merdeka. Penghubung kedua-duanya misalnya seperti figura Ahmad Boestamam, Kassim Ahmad dan Syed Husin Ali. Kehadiran kepimpinan lama PRM seperti Syed Hussin Ali, Sanusi Osman, Rustam A. Sani, Hassan Karim, R. Sivarasa dan Tian Chua ke dalam PKR menyerlahkan dimensi atau pengaruh 'sosialisme' PKR yang mungkin jarang diberikan perhatian umum.<sup>25</sup> Semakin lama ideologi itu menjadi perekat yang menjurus kepada komitmen dan penampakan sosialisme kepada PKR.<sup>26</sup> Secara dasarnya, sosialisme di Malaysia telah berubah corak yang melambangkan ciri ideologi yang kini dianggap cair dan 'kreatif' dari segi maksud penentangnya.

Dalam hubungan ini, ideologi sosialisme di Malaysia dalam bentuk organisasi politik secara historikalnya berkembang sekitar 1950-an dengan penubuhan PSRM. Pada 1990 parti ini telah mengambil platform dengan melucut dan menghilangkan perkataan 'sosialisme' dari nama dan perlembagaannya dan menggelarkan diri sebagai Parti Rakyat Malaysia. Pada 2003, ia secara konsensus bergabung dengan Parti KeADILAN Nasional yang lebih dikenali sebagai parti pertengahan (*centrist*) menjadikannya sebagai Parti KeADILAN Rakyat atau dikenali PKR. Jika diteliti dari lensa ideologi, satu jalur perkembangan politik yang telah berlangsung sekitar 1940-an seterusnya tumbuh menjadi sebuah parti politik bercirikan sosialisme secara tegas, dan kemudiannya menguncup kepada pendekatan sosialisme pragmatis atau sederhana. Natiyah daripada perkembangan pasca Perang Dingin, PKR tidak begitu menonjolkan kebanyakan bentuk ideologi sosialisme secara eksplisit.<sup>27</sup> Sejak awal lagi, perlembagaan dan 17 prinsip teras PKR yang boleh ditelusuri dalam Deklarasi Permatang Pauh. Ia mendasari asas ideologi reformasi PKR susulan penggabungannya dengan PRM. Berdasarkan pengoperasian atau skala ideologi Barat, PKR boleh dirangkumkan sebagai sebuah parti yang berada di jalur tengah antara demokrasi liberal dan sosialis demokrat. Berpremis kepada prinsip parti, PKR telah cuba memposisikan dirinya sebagai '*zentrumspartei*'- sebuah organisasi politik di posisi jalur tengah yang luas, oportunistik dan memberi ruang kepada penyaluran idea daripada kesatuan sekerja dan buruh, aktivis NGO Islam daripada ABIM dan IKRAM, jaringan NGO hak asasi manusia seperti SUARAM (yang pernah dipimpin Tian

Chua) sehinggalah pemimpin elit-elit korporat, malah menciptakan pakatan bersama DAP dan PAS pada PRU 2008.<sup>28</sup> Anwar dan PKR melalui reformasi telah merangsang satu bentuk konsolidasi dan kelestarian ideologi yang tidak pernah dilihat sebelum ini dalam sejarah politik Malaysia.

PKR bukan sekadar menjadi parameter politik baharu bahkan pemimpinya bersama melengkapkan barisan pejuang kiri rakyat- Ibrahim Ya'cob, Burhanuddin al-Helmi (PAS), Ishak Muhammad (Parti Buruh Malaya), Ahmad Boestamam (PSRM) dan Syed Husin Ali (PRM).<sup>29</sup> Identiti ini menghidupkan semula 'romantisme' tokoh-tokoh pejuang kiri yang diletakkan pemimpin PKR pada tahap yang tinggi sebagai pengkritik yang lantang. Dalam menguruskan persaingan ideologi, PKR berdepan dengan penanda aras iaitu dialektik antara ABIM (Islamisme) dan PRM (sosialisme). Sebagai langkah untuk menormalkan ketegangan ideologi ini, pemimpin PRM, Hassan Karim (2001)<sup>30</sup> mencadangkan satu alternatif bagi pendukung ABIM dan PRM beserta pelbagai jalur politik dalam KeADILAN bergabung menjadi sintesis yang mengisi satu corak politik baharu di Malaysia. Perubahan pendekatan ideologi yang diserlahkan PKR merupakan refleksi dan strategi politik reformasi yang cuba dieksperimen bagi menguji struktur ketahanan politik Melayu Islam.

Bahkan menurut Syed Husin Ali (2012)<sup>31</sup> 17 fasal yang termaktub dalam Fasal 5 Perlembagaan PKR di bawah kerangka 'tujuan dan matlamat perjuangan' hampir keseluruhannya berasaskan draf yang dikemukakan PRM dari awal lagi. Perincian penting dalam fasal tersebut ialah 'mewujudkan masyarakat adil dan negara demokratik yang progresif dan bersatu' bersesuaian dengan tema pro-rakyat yang digaris oleh PRM. PRM menimbangkan bahawa KeADILAN telah menyalin evolusi sejarah ideologi yang ditinggalkan, dan melalui PKR ia telah mengintegrasikan dan menyesuaikan idealisme serta pengalaman menghadapi persekitaran politik plural. Tesis ini memperlihatkan PKR merupakan parti bayangan daripada PRM yang mengangkat ideologi sosialis demokratik.<sup>32</sup> Ketokohan Anwar Ibrahim dan Syed Husin Ali membayangkan gabungan dua sinergi yang diolah- sebagai tokoh demokrat, penyokong humanisme, pemikiran Islam progresif, penyatuan kepada demokrasi rakyat dan penerimaan prinsip pasaran bebas menyerlahkan lagi karektor PKR.

Keupayaan Anwar terhadap PKR disifatkan sebagai 'arkitek reformasi' dan *grand design* kepada taktikal politik baharu sekali gus menunjukkan unsur perkongsian idea yang pragmatik. Semasa dalam UMNO (1982-1998) dan gerakan ABIM (1971-1982), garis politik Anwar dipengaruhi dengan unsur ideologi nasionalis dan Muslim demokrat. Sebaliknya, selepas terbentuknya PKR dan berada di luar kerajaan, perubahan beliau menggambarkan dimensi yang organik dengan menggabungkan reformis kiri dan kanan ke dalam parti lantas menawarkan pendekatan bercorak progresif atau terbuka kepada pluralisme idea, pembelaan kepada lapisan kelas dan etnik. Bulatan pemikiran Anwar secara longgar membentuk campuran pragmatik ideologi PKR- sebagai

kumpulan pemimpin Dunia Ketiga, pejuang petani miskin di luar bandar, ikon mahasiswa dan nasionalis Islam moderat bagi kelas pertengahan. Elemen tersebut dijelaskan Funston (1998)<sup>33</sup> “*Anwar influences the civil right, anti-war and left-leaning student movements in the United States and scholars notes other figures such as Nelson Mandela, Che Guevera, for dissident stands, and Ho Chi Minh, as a nationalist and not a communist. Anwar familiriaty with both Che Guevera and Ho Chi Minh philosophies predated this period, going back to his days*”.

Ironinya, Anwar turut mengkritik Marxisme kerana tidak memberi ruang kepada etika, moraliti dan kerohanian. Tambahnya lagi, tarikan Marxisme kepada negara-negara membangun yang pastinya tidak dapat dinafikan adalah disebabkan sebahagian besar oleh retorik bahasa proletariat, dengan menjanjikan liberalisasi manusia daripada penindasan kelas. Menurut Anwar, pergelutan sejarah menunjukkan Marxisme sukar mendapat tempat, manakala persaingan dan kembalinya pasaran bebas diangkat di negara-negara industri kapitalis.<sup>34</sup> Oleh itu, Anwar mencadangkan ‘jalan tengah’ yang terdiri daripada dua metodologi diambil bagi menghubungkan keseimbangan sosial manusia dan falsafah sosial yang lain.<sup>35</sup> Secara tidak langsung, hubungan Anwar dan gerakan Reformasi dilambangkan sebagai keserasian serta kesinambungan politik kepembangkangan (*oppositionism*) di Malaysia. Malah tidak menghairankan lingkaran pemikiran ini mempertauti program perancangan reformasi ekonomi khususnya bagi Pakatan Rakyat dan PKR berorientasikan campuran ideologi sosialis demokrat yang mengutamakan ‘*little folks*’-satu kombinasi dan acuan yang berteraskan kepada ‘*Anwar’s concept of a caring society, Parti Rakyat Malaysia’s plebian concerns, DAP’s old socialist claims and PAS’s Islamic welfarism*’<sup>36</sup>Trend alternatif tersebut menyaksikan ideologi kini boleh dianuti secara tidak sedar, meskipun sehingga kini PKR masih tidak menginstitusikan spektrum kiri atau kanan sebagai pegangan terasnya.

Tidak sekadar itu, pengaruh Barisan Alternatif (BA) pada takat tertentu sebelum ini menyerupai ideologi sosialis demokrat. BA dalam manifesto pilihan raya turut menegaskan untuk mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang bercorak sosial demokrat melalui saluran perlembagaan. Malah pengaruh ideologi sosialisme terhadap BA yang terdiri daripada KeADILAN, DAP, PAS, dan PRM dalam memperjuangkan kemanusiaan dan demokrasi sosial selaras dengan Pertubuhan Sosialis Antarabangsa (SI) untuk mempertahankan prinsip kesamarataan melalui pengetahuan saintifik.<sup>37</sup> Kenyataan tersebut bukanlah bermaksud untuk memposisikan PKR sebagai parti berideologi sosialisme demokratik secara mutlak. Sebaliknya sifat ideologi PKR kelihatan saling bertukar posisi atau komitmen, menggunakan kedua-dua pendekatan (kiri dan kanan) secara serentak dan berubah mengikut situasi. Begitu juga dengan PAS, selain menginstitusikan politik Islam sebagai ideologi, dalam konteks tertentu PAS mencadangkan alternatif penubuhan negara kebajikan Islam yang mirip kepada campuran pragmatis-sosialisme Islam sederhana.



Sungguhpun begitu, kenyataan ini bukanlah sesuatu yang kekal dan bukan mencirikan keseluruhan pendirian ideologi ‘sosialisme’ parti-parti berkenaan. Perlu ditegaskan, ideologi dalam penulisan ini dibahaskan mengikut konteks yang menggambarkan perubahan yang pragmatis. Sejalan dengan hujah Jost (2006)<sup>38</sup> ketiadaan perbezaan yang substantif antara liberalisme, konservatif dan sosialisme telah memperlihatkan pengaburan sempadan ideologi masa kini. Perubahan ini menandakan PKR sebagai ‘parti serba mungkin’ sesuai dengan falsafah Butler “politik adalah seni segala kemungkinan.

Lebih menarik, PKR berpendirian untuk kerajaan dan parti politik terus kekal relevan dalam menahan serangan *libertarian*, campur tangan kerajaan perlu bersifat taktikal, bukannya tidak konsisten mengikut keperluan bagi meraih kuantiti sokongan rakyat semata-mata. Sekiranya pendirian kerajaan adalah pro-perniagaan dan kapitalis, ia perlu diselarikan bersama dengan kebajikan masyarakat dan jaringan keselamatan sosial untuk melibatkan isi rumah yang berpendapatan rendah dalam pengagihan seimbang kekayaan dan pertumbuhan. Sekiranya fokus adalah pro-rakyat, perhatian perlu diberikan bagi memastikan kehendak perniagaan tidak dikesampingkan.<sup>39</sup> Aspirasi begini dimuat turun dalam manifesto kempen ‘perubahan’ politik PKR dan PR dalam pilihan raya iaitu perluasan peluang pendidikan tinggi percuma, pengurangan kos sara hidup, pemberian subsidi, penurunan harga kereta, perumahan dan penekanan soal kenaikan gaji yang pada masa kini ditekan di tahap yang rendah. Prinsip *state* berkapasiti besar dalam merangka program tersingkap apabila PKR menggesa kerajaan mempertimbangkan cadangan melaksanakan penstrukturan semula cukai seperti dilaksanakan di beberapa negara Scandinavia yang terkenal dengan acuan program parti sosial demokrat.

Manifesto PKR yang bertemakan ‘*a new dawn for Malaysia*’ telah dilancarkan Presiden PKR bagi menghadapi kempen pilihan raya 2008. Tema PKR ini mirip dengan tema ‘*change*’ (ubah) yang diketengahkan di Britain oleh Parti Buruh semasa era Tony Blair dan Presiden Parti Demokrat di Amerika Syarikat Barack Obama dalam kempen Pilihan Raya Presiden 2007. PKR turut berjanji untuk memperkenalkan sistem gaji minimum RM1,500 sebulan, membawa pelaburan baru RM100 bilion dalam masa lima tahun, meningkatkan pertumbuhan ekonomi dengan kadar 8% setahun dan menggalakkan kewujudan media yang bebas dan adil.<sup>40</sup> *PKR vision is to also re-examine all concessions and monopoly and to restructure the market system to encourage price reductions, increases in quality and a steady and uninterrupted.* Jika diperhatikan aspek manifesto PKR mewujudkan persoalan adalah janji parti itu untuk menggantikan DEB yang berasaskan keperluan dan bukannya etnik. ‘*Every race should be given the means to empower themselves and break away from property*’ kata Wan Azizah.<sup>41</sup> Bahkan, PKR berjanji untuk menjadikan Malaysia *a truly constitutional state for all guaranteeing basic human rights, rule of law and an independent judiciary.*<sup>42</sup> Sebagai

langkah ke hadapan, Anwar pernah menyatakan semasa PRU 2008 beliau tidak menyenangi istilah Ketua Pembangkang kerana mereka adalah 'kerajaan dalam penantian'.<sup>43</sup>

Untuk itu, penyusunan semula program penswastaan adalah formula untuk menggalakkan lebih banyak bantuan disalurkan kepada sektor pendidikan, kesihatan dan kebajikan. Ini terkandung dalam prinsip perjuangan PKR yang kelihatan konsisten sejak KeADILAN mengemukakan pendiriannya ke arah masyarakat yang adil dan semangat demokrasi rakyat dalam Deklarasi Permatang Pauh yang dilancarkan pada 12 September 1998.<sup>44</sup> Falsafah yang hampir sama turut dipegang PRM pada suatu ketika untuk menegakkan masyarakat adil, progresif dan pro-rakyat.<sup>45</sup> Dalam mengimbangi idealisme liberal dan reformis haluan kiri, PKR merupakan parti komponen utama PR memilih Buku Jingga sebagai tema reformasi sistem 'ubah sekarang selamatkan Malaysia'. Permuafakatan antara parti-parti PR ini adalah untuk menukar kerajaan Persekutuan pada PRU-13. Antara manifesto yang dilakarkan dalam Buku Jingga ialah mengarahkan Khazanah Berhad, KWSP dan lain-lain institusi milik kerajaan memiliki konsesi lebuhraya pihak swasta bagi menyempurnakan pengambilalihan aset lebuhraya oleh kerajaan dengan tujuan menghapuskan tol. Dalam erti kata lain, rundingan semula perjanjian tol dan mengkaji pembelian balik lebuhraya PLUS dengan matlamat menghapuskan tol dalam jangka masa beberapa tahun. Dapat diperhatikan bahawa PKR menganggap penswastaan dan projek liberalisasi BN telah membebankan kehidupan rakyat. Oleh itu, rundingan semula kontrak yang bersifat menguntungkan elit-elit korporat melibatkan Penjana Tenaga Bebas (IPP), tol lebuhraya, prasarana elektrik dan air dengan menjadikan air sebagai hak rakyat dengan tujuan mengembalikan semula konsesi pengurusan air yang diuruskan pihak swasta kepada pemilikan saiz yang besar oleh kerajaan.<sup>46</sup>

Sebagai contoh, pemberian skim air percuma di bawah kerajaan PR Selangor yang diterajui oleh PKR. Berdasarkan skim tersebut, kerajaan Selangor menawarkan air setiap bulan secara percuma kepada rakyat Selangor. Skim ini merupakan satu komponen penting bagi PKR untuk menyelaraskan manifesto pilihan raya, cadangan penstrukturan semula industri air di Selangor secara holistik untuk diambil alih dan diuruskan sepenuhnya oleh kuasa kerajaan negeri. Dalam konteks ini, penstrukturan semula industri besar antara sektor awam di bawah bentuk pemilikan negara adalah mirip kepada program perancangan autonomi kerajaan. Perspektif relatif sosialis demokrat dapat menjelaskan ekonomi kapitalisme sebagai tempat ia mula digerakkan, perubahan berperingkat dalam jangka masa panjang dan akhirnya satu sistem ekonomi yang menasionalisasikan industri terpilih. Salah satu ciri ekonomi hibrid bagi Giddens (1999)<sup>47</sup> ialah sektor ekonomi harus ditarik keluar daripada sistem pasaran bebas untuk dimiliknegerakan- bertujuan untuk kepentingan awam di mana ia tidak perlu berada sepenuhnya atau dikecualikan sebahagiannya dari pihak swasta. Situasi ini dapat diperhatikan semasa Parti

Buruh Baru pimpinan Tony Blair di Britain yang mengorganisasi semula servis pengangkutan awam di London. Malah kenyataan untuk mengkelaskan PKR sebagai parti beraliran liberal demokrat ‘sepenuhnya’ kelihatan paradoks dengan idea liberal seperti yang dinyatakan Thomas Paine iaitu kerajaan yang paling baik adalah kerajaan yang paling kurang campur tangan (*minimal state*).

### **Cabaran kepada Pengembangan Ideologi**

“PKR menampakkan mirip sosial demokrasi dari segi idea agihan kekayaan yang saksama, merapatkan jurang kaya miskin, penekanan kepada kesejahteraan kebajikan rakyat soal pendidikan, kesihatan, perumahan, akses kepada peluang untuk semua” (Chandra Muzaffar 2016: temu bual).

Idea sintesis antara reformis kiri dan kanan - nasionalis, liberal demokrat dan sosialisme bahkan Islamis tanpa disedari mula dinampakkan oleh PKR dan Anwar Ibrahim. Secara tidak langsung PKR cuba menguasai kawasan *middle ground* bagi menarik sokongan dan keperluan segenap sektor masyarakat. Sungguhpun begitu, PKR kelihatan sedar akan halangan dalam usaha memasarkan platform ideologi *centrist*, menciptakan sintesis kiri dan kanan serta pakatan politik yang berpaksikan multi-ideologi. Namun, dalam realiti suasana politik komunal yang masih kekal bertahan, tema politik etnik jelas paling mendasari dan menyukarkan peralihan kepada reformasi politik dan penyusunan ideologi alternatif. Sebagai langkah, PKR dalam usahanya untuk menggugurkan ikatan etnik sebagai prinsip pertandingan politik teras, sambil menguji sejauhmana momentum masyarakat massa menerima idea politik yang bukan berbau primordial sebaliknya berasaskan ideologikal. Sungguhpun keseratan prinsip PKR tidak terlalu jauh berbeza daripada pendekatan BN, atau hanya menghalusi sedikit kelemahan marginal dalam rejim hibrid BN kerana asas kerjasama di bawah persetujuan berkongsi kuasa dalam kalangan parti yang bersifat komunal. Justeru, PKR telah membangunkan strateginya untuk tidak hanya didominasi Melayu dari segi kepimpinan dan keahlian parti. Pada waktu sama, tidaklah bijak untuk menyatakan bahawa PKR telah menanggalkan terus baju komunalismenya. Dengan kehidupan ekonomi, sosial dan latar politik begitu tersusun mengikut garis kesedaran etnik, ideologi merentas kelas dan kesamarataan yang diajukan PKR menjadi lebih implisit. Apatah lagi, perbezaan sub-budaya, kebangkitan semula agama khususnya kepada masyarakat etnik tertentu, pemahaman cetek mengenai budaya politik baharu dan hakikat bahawa BN masih berkuasa akan memastikan kepentingan etnik berterusan dalam penentuan strategi politik. Oleh sebab itu, strategi UMNO/BN dengan mudah memanipulasikan kebimbangan etnisiti untuk menewaskan dan memecahbelahkan perpaduan PKR dan pembangkang, sambil memainkan bayangan politik ketakutan dalam kalangan masyarakat Melayu.<sup>48</sup>

Sementara dalam sejarah politik kepartian, DAP agak sukar menarik keahlian dari pelbagai etnik dengan pendekatan multikulturalisme. Hal ini kerana dominasi satu etnik dalam mengikat perasaan sensitif kaum Cina sekaligus sukar meletakkannya sebagai parti sosialis demokrat yang tulen. Begitu juga dengan Parti GERAKAN yang berideologikan sosialisme demokratik telah diasaskan oleh intelektual Syed Hussein Alatas pada 1968 akhirnya membentuk identiti sebuah parti komunal Cina akhirnya. Oleh itu, ruang ideologi sosialis demokrat yang gagal ditampung sepenuhnya DAP boleh dibangunkan semula PKR sejajar dengan frasa politik reformasi. Dengan kata lain, DAP yang lebih lima dekad menginstitusikan ideologi sosialis demokrat (sebelum reformasi 1998) secara formalnya tidak berjaya menggerakkan reformasi secara sistematik seperti mana dilakukan KeADILAN dan Anwar. Justeru, 'baton larian' selama ini hanya terpusat kepada DAP dalam usaha penggemblengan ideologi dijangka boleh disambungkan PKR dalam melunak dan menyesuaikan keanekaragaman sosialisme. Pada dasarnya, parti beraliran kiri atau *centrist* di Malaysia belum lagi diuji untuk mendirikan sebuah kerajaan yang boleh digelar parti sosial demokrat seperti di Britain, Jerman dan negara Scandinavia.

Atas keperluan gerakan reformasi, kelompok intelektual kiri dan kanan telah mengisi 'kekosongan' pemikiran reformasi. Sebagai tindak balas, Universiti Bangsar Utama (UBU) yang dipelopori Hisahamuddin Rais telah berkembang sebagai komuniti budaya intelektual kiri. Malah Komuniti Seni Jalan Telawi (KSJT) yang lahir kemudian sebahagian besar komunitinya muncul dari kumpulan UBU yang berbaur sosialisme. Oleh kerana tekanan keperluan yang berbeza dan tidak dapat dipenuhi oleh UBU maka KSJT ingin memenuhi kehendak massa yang cenderung kepada wacana yang liberal, elemen yang tidak terdapat dalam UBU. Majoriti dalam kalangan mereka ini memiliki hubungan dan bayangan dengan PKR secara tidak langsung. Namun, Anwar sendiri tidak boleh mendakwa KSJT adalah kumpulan intelektual yang menyokongnya meskipun Khalid Jaafar Pengarah Institut Kajian Dasar (IKD) merupakan kumpulan pemikir Anwar. Cumanya dapat diperakui, kedua komuniti budaya ini secara ideologinya agak selari dengan ideologi PKR untuk menuntut demokrasi sosial, hak asasi manusia, keadilan, kesamarataan dan tadbir urus yang baik. Kewujudan KSJT ini pula bukanlah bermakna kekuatan UBU tidak lagi diperlukan,<sup>49</sup> melainkan untuk menggantikan pemikiran ideologi *establishment* dan menimbangkan keperluan menyatukan ideologi liberalisme dan sosialisme. Sungguhpun, PKR dikatakan bergerak atas paksi kiri sederhana dan ideologi *centrist*, sambil cuba menolak politik komunalisme sekurang-kurangnya pada prinsip, sekalipun tidak secara keseluruhan dari segi praktikal.<sup>50</sup>

Sebahagian elemen tersebut menjadikan susunan politik etnik sebagai politik moral yang diterima rakyat sebagai satu norma. Oleh itu, rejim berupaya mengenakan agen pengekanan kepada pertumbuhan ideologi lain atas prinsip

memelihara kestabilan dan keseimbangan. Implikasinya, ideologi politik kiri seperti sosialisme perjuangan kelas pekerja, sosialisme progresif berpaksi kesamarataan, perimbangan pasaran dan tanggungjawab sosial serta lain-lain ideologi telah dipinggirkan daripada proses pergerakan nasionalisme Melayu dan lebih menyulitkan lagi dilambangkan sebagai kumpulan penganas yang ekstrem, anti modenisme, anti agama, dan sebagainya.<sup>51</sup> Fenomena ini selari dengan hujah sarjana sains politik Huntington (1996)<sup>52</sup> bahawa konflik kini bukan lagi berkisar kepada pertimbangan ideologi tetapi pertembungan akan melibatkan entiti budaya, agama dan etnik yang berbeza.

### **Dilema Penentuan PKR: Antara Reformis Sosialis atau Reformis Liberal**

Di sebalik penegasan DAP dan PAS berkaitan ideologi, PKR kelihatan menghadapi dilema dalam menentukan ideologi terasnya. Hal ini berdasarkan kepada latar belakang hierarki kepimpinan dan ahli PKR yang terdiri dari pelbagai spektrum politik daripada mereka yang berfahaman pro pasaran bebas neoliberal, golongan sosialisme kiri, nasionalis, Islamis, ABIM, intelektual dan bekas elit-elit politik dari UMNO. Elemen tersebut dapat diperhalusi dengan kemunculan pemimpin dari NGO yang bersifat kritikal dengan kapitalisme. Tian Chua dan Charles Anthony Santiago adalah bekas aktivis kritikal terhadap globalisasi dan pasaran bebas. Sementara Michael Jeyakumar merupakan beberapa pemimpin sosialis dari PSM yang menggunakan tiket PKR bertanding di Parlimen Sungai Siput,<sup>53</sup> Nasir Hashim merupakan Pengerusi PSM bertanding bagi kerusi DUN Kota Damansara serta S.Aruchelvan bertanding pada PRU-13. Lebih-lebih lagi, Syed Husin Ali dan R.Sivarasa merupakan figura politik yang berasal dari PRM yang berorientasi sosialisme. Terbaru kemasukan Saifuddin Abdullah<sup>54</sup> ke dalam PKR yang turut mendakwa dirinya sebagai penganut sosialis demokrat dan peminat magnum opus Giddens<sup>55</sup> yang pernah menjadi rujukan utama Tony Blair (*centre-left*) semasa memimpin Parti Buruh. Premis ini memberikan justifikasi bahawa PKR secara konsensus telah menyederhanakan ideologi tanpa terikat kepada mana-mana ideologi mutlak, bahkan memusatkan kepada matlamat realpolitik dan keperluan menyatukan semua ideologi.<sup>56</sup> Ketua Penerangan PKR menegaskan:

“PKR tidak hanya berorientasikan kepada satu-satu ideologi [kiri atau kanan], dalam PKR ada pelbagai latar antaranya demokrat, liberal, sosialis, Islamis, malah dari pelbagai NGO-NGO, kombinasi ini penting dalam penyesuaian politik baharu” (Syed Ibrahim Syed Noh 2016: temu bual).

Berpandukan kenyataan di atas, PKR tidak meletakkan sebarang ideologi tunggal sebagai prinsip teras parti. Menurut Chandra Muzaffar (2016)<sup>57</sup> pegangan ideologi KeADILAN tidak dibincangkan secara khusus

kerana terdapatnya dua faktor; kesukaran rakyat dalam memahami kandungan ideologi dan tanggapan masyarakat bahawa ideologi sosialisme berhubung kait dengan anasir komunis dan subversif serta liberal pula merupakan padanan idea Barat yang bertentangan dengan orde Islam. Namun, fakta bahawa prinsip kebebasan politik dan demokrasi pertama kali muncul di Barat bagi Anwar tidak seharusnya menjadi halangan kepada PKR menggunakannya secara universal dan tidak boleh dihujahkan ia tidak pernah disandarkan dalam konteks ideologi-ideologi yang lain.<sup>58</sup> Maksud kepada ideologi yang diperagakan PKR ialah pengkelasan ideologi yang wujud terutamanya dalam bentuk isi fikiran yang implisit dan kaedah pragmatik, berbeza daripada isinya yang eksplisit. Tambahan pula dalam konteks Malaysia ideologi sosialisme demokratik tidak dibahaskan secara meluas sebagai penentuan program ekonomi dalam mana-mana parti.

Dalam hal ini, reformis PKR sedaya upaya untuk menggayakan partinya bukan sahaja rentas etnik malah menampakkannya sebagai parti proletariat atau rakyat.<sup>59</sup> Sementara, Setiausaha Agung PSM, S.Arutchelvan membandingkan karektor Anwar Ibrahim dengan Presiden Venezuela, Hugo Chavez yang menggesa pembahagian petrodolar kepada rakyatnya. Oleh itu, isu kenaikan bahan api dan harga barangan telah digunakan PKR semaksimum mungkin sebagai alternatif menandingi dasar pemerintah sekali gus memprotes keputusan kerajaan BN terhadap rasionalisasi subsidi. Secara tidak langsung, kelihatan PKR memiliki idealisme untuk meluaskan fungsi kerajaan dalam sektor ekonomi dan mendesak kerajaan terus memberikan lebih peruntukan subsidi untuk menurunkan harga runcit petrol melalui sumber pendapatan PETRONAS. PKR juga mencadangkan PETRONAS membiayai projek awam seperti pembinaan lebuh raya dan institusi pendidikan agar rakyat tidak akan terikat dengan pembayaran tol dan yuran pengajian yang tinggi.<sup>60</sup> PKR dari satu segi telah menyatakan pendirian dengan menyerang praktik monopoli, keuntungan bersifat berat sebelah yang dikuasai oleh pemodal kapitalis. Anwar yang menghubungkan gagasan reformasi dan politik alternatif ke dalam PKR berpandangan dalam mengukuhkan institusi demokrasi ia harus dijalankan secara berterusan oleh para demokrat dalam PKR dengan mengambil kira latar sosio-budaya dan nilai-nilai tradisi. Oleh yang demikian, peningkatan ekonomi melalui pubahsuaian dan perubahan fundamental pasaran bebas harus menjadi keutamaan kolektif bagi setiap program dalam menginspirasi keadilan dan kesamarataan sosio-ekonomi kepada rakyat.<sup>61</sup> Untuk itu, peralihan PKR kepada strategi paksi tengah dan penyerapan elemen 'kecairan sosialisme' dari PRM dan jalur politik liberal dapat bertindak balas bagi mewujudkan kekuatan *high politics* seperti yang ditunjukkan oleh UMNO/BN melalui formula demokrasi *consosionalism*. Ini bermaksud perluasan reformasi PKR di tahap menghimpunkan kelompok kiri (*centre-left*) dan kanan (*centre-right*) yang beroperasi dalam realiti politik yang kompleks.

Jika diteliti dengan lebih mendalam, reformasi dalam politik AS

sendiri turut mengumpulkan kelompok liberal yang kanan, anggota kesatuan sekerja berhaluan kiri, buruh, petani, suara minoriti dan ahli demokrat yang konservatif bagi menyokong program *New Deal* yang direncanakan Presiden Franklin Delano Roosevelt (1929-1933). *New Deal* merupakan pembaharuan dan perancangan keluasan fungsi pemerintah dalam melaksanakan langkah penyelesaian atau *reform*. Ia merangkumi bantuan kewangan kepada rakyat untuk menghidupkan semula ekonomi dan peluang pekerjaan pasca Great Depression 1930. Namun, AS dan Roosevelt (Parti Demokrat) yang bergerak atas paksi negara liberal dan parti liberal demokrat tidak diletakkan sebagai penganut sosial demokratik.<sup>62</sup>

Tidak kurang PKR kelihatan beroperasi dalam tipologi yang kabur untuk saling melengkapi perbezaan dan pertentangan dalam kelompok parti yang terdiri daripada pelbagai aliran.<sup>63</sup> Dalam menangani persaingan ideologi, sektor pergerakan kesatuan sekerja yang hampir diabaikan PKR pada awalnya telah disuntikkan dengan idealisme dari bekas ahli PRM yang mempunyai perwakilan dan kecenderungan dalam membela nasib kesatuan sekerja. Perkara ini boleh dijadikan penanda aras untuk menyuburkan kembali kesatuan pekerja yang tidak diberikan perhatian PKR.<sup>64</sup> Bekas aktivis dari PRM yang menyertai PKR bertekad untuk mengembalikan MTUC ke jalur perjuangan asalnya dengan mengangkat suara pekerja apabila wujud sebuah pergerakan sekerja yang bebas dan progresif di mana kerajaan mahu mengambil kira suara tersebut.<sup>65</sup> Bahkan Abdullah Sani yang merupakan ahli Parlimen PKR yang merangkap Timbalan Presiden MTUC menegaskan lidah kaum pekerja akan lebih efektif seandainya mempunyai wakil di Parlimen.

Sehubungan itu, keindahan bahasa kaum proletariat kelihatan pada wakil rakyat PKR melalui perbahasan di Parlimen dan kempen-kempen politiknya. Strategi Anwar Ibrahim, Saifuddin Nasution, Rafizi Ramli dan PKR dalam mempamerkan gaya bahasa ‘rakyat marhein’ telah menjustifikasikan bahasa ‘sosialisme secara tidak sedar’ untuk menarik audiens. Tambahan pula, retorik liberal kebebasan terkandung dalam kamus PKR untuk mempromosikan hak asasi individu, kebebasan media, penegakan *constitutionalism*. Bagi Syed Ibrahim (2016)<sup>66</sup> pula aliran kiri dan kanan PKR dipersatukan dalam satu bingkai yang bertindak fleksibel mengikut situasi politik semasa. Menurut Derichs (2003)<sup>67</sup> kepetahan retorik dan suara kritikal dalam banyak ucapan pemimpin PKR di media dan perbahasan di Parlimen boleh diletakkan sebagai jenis pragmatisme *ad hoc* dan kontroversi. Justeru, PKR menggambarkan ketangkasan yang lantang dalam mendedahkan kelemahan kerajaan BN melibatkan skandal kewangan 1MDB, SRC International, Tabung Haji dan MARA. Rafizi merupakan antara pemimpin PKR yang vokal dengan menentang langkah pelaksanaan GST.

Dengan itu, gerakan reformasi dan PKR telah memperkenalkan ‘bahasa baharu’ kepada struktur ideologi politik Malaysia. Lanjutan Deklarasi Permatang Pauh dan gagasan ketuanan rakyat yang dikemukakan mengandungi

tuntutan dalam istilah universal yakni kesamarataan dan keadilan sosial kerana menyedari audiens majmuk yang menjadi sasarannya dipisahkan etnik dan agama.<sup>68</sup> Pada satu sisi, parti yang berunsurkan sosialis demokrat kelihatan menggunakan taktikal ‘senjata bermata dua’ iaitu ‘sosialisme’ sebagai propaganda perjuangan rakyat ‘marhein’ dan ‘liberalisme’ mewakili penerimaan kepada hak asasi individu dan kebebasan pasaran. Menurut Rustam Sani (2011)<sup>69</sup> biarpun banyak perkaitan antara sosialisme dengan organisasi politik yang wujud selepasnya, namun ideologi sosialisme masih tidak dapat untuk menjadi ciri yang kekal dalam sesuatu organisasi.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, artikel ini menghujahkan PKR tidak boleh dikelaskan sebagai sebuah parti berideologikan sosialisme atau parti liberalisme yang tipikal kerana terdapat pengaruh kepada dualisme idea liberal dan sosialisme yang halus. Tambahan pula, struktur kepimpinan dalam PKR terdiri daripada pelbagai latar ideologi kiri dan kanan. Dalam konteks pasca reformasi, jalan tengah (*centrist*) yang diperlihatkan PKR mungkin boleh ditafsirkan sebagai satu pengisian baharu bagi melengkapkan percaturan pragmatisme ideologi. Ia kelihatan tenaga baharu dari segenap sektor masyarakat dalam mengekalkan kelangsungan reformasi. Takat ini menyaksikan generasi pasca reformasi kelihatan tidak lagi pasif dalam menentukan penggiliran kuasa parti yang memerintah. Kesedaran berfikir mengenai budaya konsumerisme, kebajikan sosial dan budaya politik baharu mendorong rakyat semakin kritikal menentukan program dan manifesto parti politik pilihannya.

Pada satu aspek, alternatif yang cuba dibangunkan dalam politik Malaysia lewat ini tidak lagi didasarkan kepada keperluan seperti sebelum ini iaitu politik etnik atau sifat ideologikal yang dogmatik, sebaliknya kini lebih menumpukan kepada penambahbaikan, kehendak dan kemahuan. Buat masa kini, reformasi institusi yang diajukan ini telah membangkitkan kesedaran untuk memberikan kepentingan realpolitik dan akan terus bertindak sebagai parti alternatif kepada UMNO/BN. Persoalan yang akan kekal sama ada PKR dapat melakukannya atau mampu bertahan sekiranya diberikan mandat mentadbir Kerajaan Persekutuan pada PRU-14.

## Nota Akhir

1. Derichs, C, Ahli Politik yang Bertanding: Wawasan 2020 Mahathir Mohamad dan Gelombang Kebangkitan Asia Anwar Ibrahim, dlm Ho Khai Leong & Chin, J, (pnyt), *Pentadbiran Mahathir: Prestasi dan Krisis dalam Pemerintahan*, Kuala Lumpur, Times International, 2003, hlm. 226.
2. Hilley, J, *Malaysia: Mahathirisme Hegemoni dan Pembangkang*



- Baru*, 2009, Kuala Lumpur, ITNM, hlm. 262.
3. Giddens, A, *The Third Way: The Renewal of Social Democracy*. 1999, Malden, Blackwell Publisher.
  4. Lipset, S. M, The End of Ideology?, in Rejai, M, (eds.), *Ideology Comparative and Cultural Status*, 2009, New Brunswick, Aldine Transaction, hlm. 48.
  5. Rustam Sani, *Ke Mana Nasionalisme Melayu?*, 2004, Kuala Lumpur, Publishing Services.
  6. Bell, D, *The End of Ideology: On the Exhaustion of Political Ideas in Fifties*, 1962, New York, Free Press.
  7. Pape, M. A, The end of ideology debate by Waxman C.I, *American Sociological Review*, 35(2), 1970, hlm. 359-360.
  8. Lipset, S. M, The End of Ideology?, in Rejai, M, (eds), *Ideology Comparative and Cultural Status*, 2009, New Brunswick, Aldine Transaction.
  9. Jost, J.T, The end of the end of ideology, *American Psychologis*, 61(7), 2006, hlm. 651-670.
  10. La Palombara, J, A Dissenting View, in Rejai, M, (eds.), *Ideology Comparative and Cultural Status*, 2009, New Brunswick, Aldine Transaction.
  11. Lemert, C, The End of Ideology, Really, *American Sociological Association*, 9(2), 1991, hlm. 164-172.
  12. Dalton, R. J, Social Modernization and the End of Ideology Debate: Patterns of Ideological Polarization, 2005, Kertas Kerja Persidangan "Beliefs, Norms and Values in Cross-national Surveys", Anjuran University of Tokyo, Jepun, Disember.
  13. Syed Ahmad Hussein, *Pengantar Sains Politik*, 2004, Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia, hlm. 81.
  14. Abdul Rahman Embong, A Commit on the Sociology of Race Relations and Political Sociology in Malaysia, *Jurnal Antropologi dan Sosiologi*, 3(3), 1974, hlm. 63-68.
  15. Bell, D, *The End of Ideology: On the Exhaustion of Political Ideas in Fifties*.
  16. Dalton, R. J. 2005. Social Modernization and the End of Ideology Debate.
  17. Ibid.
  18. Cramme, O. & Diamond, P, Afterword: The New Social Democracy, in Cramme, O, & Diamond, P, (eds.), *After Third Way: The Future of Social Democracy in Europe*, 2012, London, Palgrave Macmillan, hlm. 253.
  19. Selucky, R, The General Model of Democratic Socialism, in Sargent, L.T, (eds), *Contemporary Political Ideologies: A Reader California*, 1990, California, Brooks Publishing, hlm. 79.

20. Padgett, S. & Paterson, W.E, *A History of Social Democracy in Postwar Europe*, 1991, London, Longman Group Limited, hlm. 1.
21. Durr, T. & Misik, R, Co-operation, Creativity and Equality: Key Concepts for a New Social Democratic Era, in Cramme, O. & Diamond, P, (eds.), *After the Third Way: The Future of Social Democracy in Europe*, London: Palgrave Macmillan.
22. Giddens, *The Third Way: The Renewal of Social Democracy*.
23. Ryner, M.J, *Capitalist Restructuring Globalisation and the Third Way: Lessons From the Swedish Model*, 2003, London, Routledge.
24. Hilley, J. *Malaysia: Mahathirisme Hegemoni dan Pembangkang Baru*.
25. Jimadie Shah Othman. 26 November 2010. Syed Husin: Ideologi bukan prasyarat wajib, *Malaysiakini*, <http://www.malaysiakini.com/news/149203> [19 Oktober 2015].
26. Karim Raslan, 29 April 2008, Adakah 'isme' yang Menyatukan Pakatan Rakyat, *The Star*, 29 April: 4.
27. Rustam Sani, *Asal Usul Sosial Golongan Kiri Melayu: Satu Analisis Berkenaan Kesatuan Melayu Muda*, 2011, Petaling Jaya, SIRD, hlm. 33.
28. Nik Nazmi Nik Ahmad & Tricia Yeoh. *Jiwa Merdeka: Himpunan Esei Pimpinan Muda KeADILAN*. 2013, Puchong, Pusat Sepakat, hlm. 122.
29. Rustam Sani, *Ke Mana Nasionalisme Melayu?*, hlm.128.
30. Hassan Karim. 25 November 2001. Duri dalam percantuman Keadilan-PRM, *Malaysiakini*, <http://www.malaysiakini.com/news/5637> [20 Mac 2017].
31. Syed Husin Ali, *Memoir Perjuangan Politik Syed Husin Ali*. 2012, Petaling Jaya, SIRD, hlm. 274.
32. Ahmad Atory Hussain, *Politik Melayu di Persimpangan: Satu Analisis Pilihan Raya 2008*, 2009, Kuala Lumpur, Utusan Publication, hlm. 255.
33. Funston, J, Political Careers of Mahathir Mohamad and Anwar Ibrahim Parallel, Intersecting and Conflicting Lives, 1998, Kertas Kerja Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Anjuran UKM, no. 15 (July 1998), hlm. 1-32.
34. Anwar Ibrahim, *The Asian Renaissance*. 1996, Singapore, Time Editions, hlm.84.
35. Derichs, C, Ahli Politik yang Bertanding: Wawasan 2020 Mahathir Mohamad dan Gelombang Kebangkitan Asia Anwar Ibrahim, 2003, hlm. 220.
36. Khoo Boo Teik, 29 April 2008. The monkeys strike back, *ALIRAN*, <https://aliran.com/aliran-monthly/2008/2008-2/the-monkeys-strike-back> [31 Januari 2016].

37. Mohd Izani Mohd Zain, *Islam dan Demokrasi Cabaran Politik Muslim Kontemporari di Malaysia*, 2005, Kuala Lumpur, UM, hlm. 107.
38. Jost, J.T, *The end of the end of ideology*, 2006, hlm. 651.
39. Anas Alam Faizli, *Malaysia Kaya Rakyat Miskin*, 2014, Petaling Jaya, SIRD.
40. Dipetik dari Fernando, J.M, *Pola Pengundian dan Isu-Isu dalam Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12*, dlm Fernando, et. al.,(pnyt.), *Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12: Isu dan Pola Pengundian*, 2011, Kuala Lumpur, UM, hlm. 12-13.
41. Ibid.
42. Ibid.
43. Mohammad Redzuan Othman, et. al., (pnyt.), *Permatang Pauh: Pilihan Raya Kecil Ogos 2008*, 2009, Shah Alam, Karisma Publications.
44. Allers, C, *Anwar Ibrahim: Evolution of a Muslim Democrat*, 2014, Singapore, Monsoon Books, hlm. 142.
45. Sanusi Osman & Ang Hiok Gai, *Masyarakat Adil:Asas-asas Perjuangan Parti Rakyat Malaysia*, 1998, Gombak, PRM Pusat.
46. *Buku Jingga Pakatan Rakyat, Ubah Sekarang Selamatkan Malaysia*, 2010.
47. Giddens, *The Third Way: The Renewal of Social Democracy*.
48. Weiss, M. L, *Mengatasi Politik Berasaskan Ras di Malaysia: Menentukan Norma untuk Kerjasama Etnik yang Lebih Mendalam*, dlm Leong, H.K & Chin, J, (pnyt.), *Pentadbiran Mahathir Prestasi dan Krisis dalam Pemerintahan*, 2003, Singapore, Times Books International.
49. Mohd. Hariszuan Jaharudin, *Gerakan Sosial Baru Pasca Reformasi*, dlm. Mohd.Hariszuan Jaharudin & Mohd Rizal Hamdan (pnyt), *Wacana Baru Politik Malaysia Perspektif Ruang Awam Budaya dan Institusi*, 2012, Petaling Jaya, SIRD, hlm. 83-90.
50. Weiss, M. L. 2003. *Mengatasi Politik Berasaskan Ras di Malaysia*.
51. Soon Chuan Yean, *Persaingan Politik Moral: Satu Analisis Politik Budaya Kumpulan Seni di Malaysia*, dlm. Mohd Hariszuan Jaharudin & Mohd Rizal Hamdan, (pnyt.), *Wacana Baru Politik Malaysia Perspektif Ruang Awam Budaya dan Institusi*, 2012, Petaling Jaya, SIRD, hlm. 29-30.
52. Huntington, S.P, *The Clash of Civilization and Remarking of World Order*, 1996, New York, Simon & Schuster.
53. Kevin Tan. 4 April 2008. *Is Pakatan Rakyat Moving Left, Right or Centre? Malaysiatoday*, <http://www.malaysia-today.net/is-pakatan-rakyat-moving-leftright- or- centre/> [23 Mei 2016].
54. Saifuddin Abdullah. *Masih Relevankah Ideologi? Kapitalisme*

- Teras Parti Politik di Malaysia, 2014, <https://www.youtube.com/watch?v=JHxx9ODQEyg> [diakses pada 20 Mei 2016].
55. Pada dasarnya Tony Blair mendapat pengetahuan dari pemikiran Giddens melalui karya *The Third Way* (Jalan Ketiga).
  56. Temu Bual bersama Syed Ibrahim Syed Noh iaitu Ketua Penerangan Parti Keadilan Rakyat (PKR), Ibu Pejabat PKR Petaling Jaya, 5 April 2016.
  57. Temu Bual bersama Chandra Muzaffar iaitu antara pengasas Parti KeADILAN Nasional, Petaling Jaya, 25 Mei 2016.
  58. Anwar Ibrahim, Universal Values and Muslim Democracy. *Journal of Democracy*, 17(3), 2006, hlm. 6-12.
  59. Temu Bual bersama Chandra Muzaffar iaitu antara pengasas Parti KeADILAN Nasional, Petaling Jaya, 25 Mei 2016.
  60. Kevin Tan, Is Pakatan Rakyat Moving Left, Right or Centre? 4.
  61. Anwar Ibrahim, Universal Values and Muslim Democracy, *Journal of Democracy*, 17(3), 2006, 6-12.
  62. Newman, M, *Socialism: A Brief Insight*. London, Sterling, hlm. 54.
  63. Temu Bual bersama Chandra Muzaffar iaitu antara pengasas Parti KeADILAN Nasional, Petaling Jaya, 25 Mei 2016; Weiss, M. L, Mengatasi Politik Berasaskan Ras di Malaysia, hlm. 104.
  64. Khalid Jaafar, *Tumit Akilis dan Lain-Lain Esei*. 2014, Rawang, IKD, hlm. 224.
  65. *Utusan Malaysia*. 2002. Pertarungan Hidup Mati MTUC. 24 Februari. [http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt=0224&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_03.htm](http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt=0224&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_03.htm) [9 Jun 2016].
  66. Temu Bual bersama Syed Ibrahim Syed Noh iaitu Ketua Penerangan Parti Keadilan Rakyat (PKR), Ibu Pejabat PKR Petaling Jaya, 5 April 2016.
  67. Derichs, C, Ahli Politik yang Bertanding: Wawasan 2020 Mahathir Mohamad dan Gelombang Kebangkitan Asia Anwar Ibrahim.
  68. Haris Zalkipli, Wacana Baharu Gerakan Islam, 2014, hlm. 359.
  69. Rustam A. Sani, *Asal Usul Sosial Golongan Kiri Melayu*, hlm. 8.

## Rujukan

- Abdul Rahman Embong. 1974. A Commit on the Sociology of Race Relations and Political Sociology in Malaysia. Dlm. *Jurnal Antropologi dan Sosiologi* 3(3): 63-68.
- Ahmad Atory Hussain. 2009. *Politik Melayu di Persimpangan: Satu Analisis Pilihan Raya 2008*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Allers, C. 2014. *Anwar Ibrahim: Evolution of a Muslim Democrat*. Singapore: Monsoon Books.
- Anas Alam Faizli. 2014. *Malaysia Kaya Rakyat Miskin: Rencana Tenaga*

*Ekonomi dan Pendidikan*. Petaling Jaya: SIRD.

- Anwar Ibrahim. 1996. *The Asian Renaissance*. Singapore: Time Editions.
- Anwar Ibrahim. 2006. Universal Values and Muslim Democracy. *Journal of Democracy*, 17(3): 6-12.
- Bell, D. 1962. *The End of Ideology: On the Exhaustion of Political Ideas in Fifties*. New York: Free Press.
- Buku Jingga Pakatan Rakyat. 2010. Ubah Sekarang Selamatkan Malaysia.
- Chandra Muzaffar. 2016. Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Ideologi Sosialisme Demoratik, Temu Bual. 25 Mei.
- Cramme, O. & Diamond, P. 2012. Afterword: The New Social Democracy?. Dlm. Cramme, O. & Diamond, P. (pnyt). *After the Third Way: The Future of Social Democracy in Europe*, hlm. 235-250. London: Palgrave Macmillan.
- Dalton, R. J. 2005. Social Modernization and the End of Ideology Debate: Patterns of Ideological Polarization. Kertas Kerja Persidangan "Beliefs, Norms and Values in Cross-national Surveys". Anjuran University of Tokyo, Jepun, Disember.
- Derichs, C. 2003. Ahli Politik yang Bertanding: Wawasan 2020 Mahathir Mohamad dan Gelombang Kebangkitan Asia Anwar Ibrahim. Dlm. Ho Khai Leong & Chin, J. (pnyt). *Pentadbiran Mahathir: Prestasi dan Krisis Dalam Pemerintahan*. hlm. 207- 234. Kuala Lumpur: Times Books International.
- Durr, T. & Misik, R. 2012. Co-operation, Creativity and Equality: Key Concepts for a New Social Democratic Era. Dlm. Cramme, O. & Diamond, P. (pnyt). *After the Third Way: The Future of Social Democracy in Europe*, hlm. 235-250. London: Palgrave Macmillan.
- Fernando, J.M. 2011. Pola Pengundian dan Isu-Isu dalam Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12. Dlm. Fernando, J.M, Zulkarnain Abdul Rahman & Suffian Mansor (pnyt). *Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12: Isu dan Pola Pengundian*, hlm. 1-26. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Funston, J. 1998. Political Careers of Mahathir Mohamad and Anwar Ibrahim Parallel, Intersecting and Conflicting Lives. Kertas Kerja Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Anjuran UKM, no. 15 (July 1998): 1-32.
- Giddens, A. 1999. *The Third Way: The Renewal of Social Democracy*. Malden: Blackwell Publisher.
- Hassan Karim. 2001. Duri dalam percantuman Keadilan-PRM. Dlm. <http://www.malaysiakini.com/news/5637> [diakses pada 20 Mac 2017].
- Haris Zalkipli. 2014. Wacana Baharu Gerakan Islam. Dlm. Mohd Izani Mohd Zain. (pnyt). *Demokrasi dan Dunia Islam Perspektif Teori dan Praktik*. hlm. 355-366. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Huntington, S.P. 1996. *The Clash of Civilization and Remarking of World Order*. New York: Simon & Schuster.

- Hilley, J. 2009. *Malaysia: Mahathirisme Hegemoni dan Pembangkang Baru*. Terj. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara.
- Jimadie Shah Othman. 2010. Syed Hussin: Ideologi bukan prasyarat wajib. *Malaysiakini*, 26 November. <http://www.malaysiakini.com/news/149203> [diakses pada 19 Oktober 2015].
- Jost, J.T. 2006. The end of the end of ideology. Dlm. *American Psychologist* 61(7): 651-670.
- Karim Raslan. 2008. Adakah 'isme' yang Menyatukan Pakatan Rakyat. *The Star*, 29 April, 4.
- Kevin Tan. 2008. Is Pakatan Rakyat Moving Left, Right or Centre? 4 April. <http://www.malaysia-today.net/is-pakatan-rakyatmoving-left-right-or-centre/> [diakses pada 23 Mei 2016].
- Khalid Jaafar. 2014. *Tumit Akilis dan Lain-lain Esei Ulang Cetak*. Rawang: Institut Kajian Dasar.
- Khoo Boo Teik. 2008. The monkeys strike back 29 April *ALIRAN*, <https://aliran.com/aliran-monthly/2008/2008-2/the-monkeys-strike-back> [diakses pada 31 Januari 2016].
- La Palombara, J. 2009. A Dissenting View. Dlm. Rejai, M. (pnyt). *Ideology Comparative and Cultural Status*, hlm. 243-267. New Brunswick: Aldine Transaction.
- Lemert, C. 1991. The End of Ideology, Really. Dlm. *American Sociological Association* 9(2): 164-172.
- Lipset, S. M. 2009. The End of Ideology? Dlm. Rejai, M. (pnyt). *Ideology Comparative and Cultural Status*, hlm. 47-66. New Brunswick: Aldine Transaction.
- Mohd. Hariszuan Jaharudin. 2012. Gerakan Sosial Baru Pasca Reformasi. Dlm. Mohd. Hariszuan Jaharudin & Mohd Rizal Hamdan (pnyt). *Wacana Baru Politik Malaysia Perspektif Ruang Awam Budaya dan Institusi*, hlm. 51-76. Petaling Jaya: SIRD.
- Mohd Izani Mohd Zain. 2005. *Islam dan Demokrasi Cabaran Politik Muslim Kontemporari di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohammad Redzuan Othman, Zulkarnain Abdul Rahman, Shaharuddin Badaruddin, Amer Saifude Ghazali & Md. Rozaimi Mohd Nasir. 2009. *Permatang Pauh: Pilihan Raya Kecil Ogos 2008*. Shah Alam: Karisma Publications.
- Newman, M. 2005. *Socialism: A Brief Insight*. London; Sterling.
- Nik Nazmi Nik Ahmad & Tricia Yeoh. 2013. *Jiwa Merdeka: Himpunan Esei Pimpinan Muda KeADILAN*. Puchong: Pusat Sepakat.
- Padgett, S. & Paterson, W.E. 1991. *A History of Social Democracy in Postwar Europe*. London: Longman Group Limited.
- Pape, M. A. 1970. The end of ideology debate by Chaim I. Waxman. Dlm *American Sociological Review* 35(2): 359-360. American Sociological

- Association.
- Rustam A. Sani. 2004. *Ke Mana Nasionalisme Melayu?* Kuala Lumpur: R Publishing Sevices.
- Rustam A. Sani. 2011. *Asal Usul Sosial Golongan Kiri Melayu: Satu Analisis Berkenaan Kesatuan Melayu Muda*. Terj. Petaling Jaya: SIRD.
- Ryner, M.J. 2003. *Capitalist Restructuring Globalisation and the Third Way: Lessons From the Swedish Model*. London: Routledge.
- Saifuddin Abdullah. 2014. Masih Relevankah Ideologi? Kapitalisme Teras Parti Politik di Malaysia. Dlm. <https://www.youtube.com/watch?v=JHxx9ODQEYg> [diakses pada 20 Mei 2016].
- Sanusi Osman & Ang Hiok Gai. 1998. *Masyarakat Adil: Asas-asas Perjuangan Parti Rakyat Malaysia*. Gombak: Parti Rakyat Malaysia Pusat.
- Selucky, R. 1990. The General Model of Democratic Socialism. Dlm. Sargent L.T. (pnyt). *Contemporary Political Ideologies: A Reader*, hlm. 79-80. California: Brooks Publishing.
- Soon Chuan Yean. 2012. Persaingan Politik Moral: Satu Analisis Politik Budaya Kumpulan Seni di Malaysia. Dlm. Mohd. Hariszuan Jaharudin & Mohd Rizal Hamdan (pnyt). *Wacana Baru Politik Malaysia Perspektif Ruang Awam Budaya dan Institusi*, hlm. 25-50. Petaling Jaya: SIRD.
- Syed Ahmad Hussein. 2004. *Pengantar Sains Politik*. Ulang Cetak. Pulau Pinang: USM.
- Syed Ahmad Hussein. 2014. Politik Muslim dan Demokrasi di Malaysia: Anjakan, Pertemuan dan Landasan Baharu dalam Persaingan Politik. Dlm. Mohd. Izani Mohd Zain. (pnyt). *Demokrasi dan Dunia Islam: Perspektif Teori dan Praktik*, hlm. 129-164. Ulang Cetak. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Syed Husin Ali. 2012. *Memoir Perjuangan Politik Syed Husin Ali*. Petaling Jaya: SIRD.
- Syed Ibrahim Syed Noh. 2016. Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Ideologi Sosialisme Demokratik, Petaling Jaya. Temu Bual, 5 April.
- Utusan Malaysia*. 2002. Pertarungan Hidup Mati MTUC. 24 Februari. [http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt=0224&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_03.htm](http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt=0224&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_03.htm) [diakses pada 9 Jun 2016].
- Weiss, M. L. 2003. Mengatasi Politik Berasaskan Ras di Malaysia: Menentukan Norma untuk Kerjasama Etnik yang Lebih Mendalam. Dlm. Leong, H.K & Chin, J. UH. (pnyt). *Pentadbiran Mahathir Prestasi dan Krisis dalam Pemerintahan*, hlm. 68-110. Singapore: Times Books International.

## **Nota Biografi**

Mohd Azizi Jaeh (tansriazizi@yahoo.com) memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dalam bidang Sosiologi dan Antropologi dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Ijazah Sarjana Sains Politik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau kini meneruskan pengajian di peringkat Ph.D (Sains Politik) di UKM. Fokus dan minat penyelidikan beliau mengenai ideologi politik dan kajian mengenai parti-parti politik.